

05 DEC 2000

Perlis-Ternama (Laporan Khas)

PERLIS: NEGERI KECIL YANG MELAHIRKAN NAMA-NAMA BESAR

Oleh: Adnan Jahaya

KANGAR, 5 Dis (Bernama) -- Perlis ialah sebuah negeri terkecil di utara Semenanjung tetapi saiznya bukanlah penghalang bagi melahirkan beberapa nama besar yang menghiasi persada negara.

Dengan keluasan hanya 810 kilometer persegi, lebih kecil daripada beberapa daerah di Kedah, Perlis tidak terkecuali menghasilkan "produk manusia" bermutu tinggi.

Beberapa tokoh negara dalam bidang perundangan, pelayaran, pentadbiran dan politik adalah kelahiran Perlis, yang pernah disifatkan hanya sebesar "kelemboi" (iaitu sejenis siput yang banyak terdapat di kawasan sawah) di negeri ini.

Pengumuman pelantikan Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara pada November lepas bagi menggantikan Tun Eusoff Chin yang akan bersara adalah perkhabaran terbaru mengenai pencapaian penduduk Perlis.

Walaupun pelantikan itu masih belum berkuatkuasa, ia adalah sesuatu yang tetap membanggakan negeri ini.

"Saya bangga dengan pelantikan itu .. ia adalah orang Perlis," kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim ketika mengulas mengenai pengumuman pelantikan Mohamed Dzaidin itu.

Mohamed Dzaidin yang dilahirkan di Arau, Perlis adalah penduduk Perlis kedua dilantik sebagai Ketua Hakim Negara selepas Tun Hamid Omar.

Catatan sejarah pelayaran yang dicipta oleh pelayar Datuk Azhar Mansor, yang mengelilingi dunia secara solo selama enam bulan pada tahun lepas, merupakan pencapaian terhebat bagi seorang rakyat Malaysia khususnya Perlis.

Azhar, 42, anak seorang pesara kerajaan dari Padang Katong yang sebelum ini tidak pernah dikenali, tiba-tiba menjadi sebutan rakyat kerana keberanian luar biasanya mengemudi Jalur Gemilang untuk membawa cita-cita negara.

Pencapaiannya mendapat sanjungan pelbagai pihak terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi sokongan penuh terhadap misi pelayarannya.

Sebagai pengiktirafan, Azhar dianugerahi darjah kebesaran Datuk Panglima Putra Jamalullail (DPPJ) yang membawa gelaran Datuk daripada Raja Perlis.

Kejayaan Azhar itu dijadikan contoh bukan sahaja oleh Dr Mahathir malah ibu bapa lain, yang mahu melihat anak-anak mereka gigih dan tabah seperti pelayar itu.

Turut disenaraikan sebagai tokoh yang membanggakan Perlis ialah bekas Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (Tenaga Nasional) Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Dr Ahmad Tajuddin, yang dilahirkan di Kampung Tambun Tulang, banyak membawa perubahan dalam syarikat utiliti terbesar negara yang memiliki aset lebih RM43 bilion itu.

Walaupun beliau kini tidak lagi bersama-sama Tenaga Nasional tetapi namanya tetap dikenang sebagai seorang yang begitu berjasa kepada syarikat utiliti yang mempunyai lebih lima juta pelanggan itu.

Seorang lagi tokoh yang boleh dibanggakan ialah Tan Sri Dr Haji Mazlan Ahmad, yang juga Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan.

Tokoh kelahiran Kampung Paya itu pernah menjawat beberapa jawatan penting di negara ini termasuk sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sektor korporat turut menyaksikan beberapa lagi nama besar yang membanggakan negeri ini termasuk Pengerusi Eksekutif Kumpulan Renong Tan Sri Halim Saad, Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Berhad Tan Sri Zainol Mahmood dan bekas Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datuk Dr Mokhzani Rahim.

Perlis juga tidak terkecuali menghasilkan penulis seperti Rejab FI atau nama sebenarnya Rejab Ismail yang gigih berkarya sehingga kini dan penulis sastera Islam, Nahmar Jamil atau nama sebenarnya Naaman Rawi Jamil.

Bagi dunia perfileman, pengarah muda Nurhalim Ismail, seorang anak jati kampung Tok Kayaman, juga mencipta nama dan kini beliau adalah Timbalan Presiden Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM).

Arena politik turut melahirkan beberapa tokoh yang membanggakan termasuk Datuk Azmi Khalid, yang kini menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Azmi, yang pernah kalah pada pilihan raya umum 1982 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Bintong berikutan kertas pencalonannya ditolak, adalah ahli politik pertama Perlis yang menjawat menteri penuh.

Perlis juga tidak terkecuali daripada menyenaraikan nama-nama penjenayah termasuk Maznah Ismail atau lebih popular dengan nama "Mona Fandey" yang kesnya mendapat perhatian seluruh negara.

Mona Fandey, yang dilahirkan di Kuala Perlis, adalah bekas penyanyi yang kini menunggu pelaksanaan hukuman gantung ke atasnya setelah didapati bersalah membunuh seorang anggota Dewan Undangan Negeri Pahang, Datuk Mazlan Idris, kira-kira tujuh tahun lepas.

-- BERNAMA

AD NAK